

SILAT SEDUNIA

Ahmad Wardi belum pasti menggegar

-1 NOV 1987 B. Minggu (M)
PESILAT Terbilang Kebangsaan, Ahmad Wardi Salim belum pasti dapat menunjukkan persembahan diharapkan dalam Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Ini disebabkan kecederaan kaki kirinya belum sembuh sepenuhnya.

Ahmad memberitahu, dia masih terasa sakit setiap kali membuat latihan.

"Saya boleh menyertai kejohanan itu, tetapi ragu memberi tentangan sengit kepada setiap lawan nanti," katanya.

Ahmad yang beberapa kali mewakili negara di kejohanan antarabangsa kelas B mungkin sukar menumpaskan musuh tradisi, Joko Wedodo dari Indonesia.

Joko menyingkirnya dalam perlawanan separuh akhir Sukan SEA Jakarta lalu.

"Saya rasa bukan Joko saja, tetapi peserta dari Great Britain, yang juga mempunyai persembahan baik," jelasnya.

Ahmad akan mula menjalani latihan pusat peringkat negeri hari ini hingga 9 November sebelum mengikuti latihan pusat kebangsaan

pada 10 November.

Beliau akan menjalani latihan bersama Apit Buang dan Yusri Dalam di Gelanggang Budaya, Ayer Keroh. Kedua pesilat itu dikatakan akan mengikuti pemilihan Kelas Bebas pada 7-11 November.

■ PERSATUAN Seni Mempertahankan Diri Angkatan Tentera Malaysia kecewa dengan sikap Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) kerana belum memberi jawapan permohonan mendapat bantuan teknik silat olahraga.

Persatuan itu sudah menghantar surat rasmi bulan lalu kepada Pesaka memohon ban-



■ AHMAD WARDI

tuhan teknik sebagai persiapan awal sebelum menghadapi Kejohanan Silat Kebangsaan.

Pengerusinya, Lt Kolonel Mohd Noor Jaafar, berkata sikap membisu Pesaka itu begitu mengecewakan dan seolah-olah tidak mahu pembabitian tentera dalam sukan itu.

Katanya, minat Tentera membabitkan diri dalam sukan itu timbul selepas beliau menyaksikan pertandingan itu di Sukan SEA Jakarta lalu.

"Saya tertarik dengan perkembangannya percaya Tentera berupaya mengetengahkan pesilat-pesilatnya nanti," tambahnya.

■ SATU kursus seni silat untuk semua peringkat umur akan dimulakan pada hujung November ini, di bawah bimbingan Encik Dzulkarnain Noordin. *Harian Harian*

Setiap peserta dikenakan bayaran \$6 sebulan.

Sesiapa yang berminat boleh berhubung dengan Encik Aziz Hassan (☎ 7811451), atau Encik Hussein Shair (☎ 7829504), atau Jawatankuasa Penduduk (RC) Tampines Zon 1, di Blok 209 Tampines St 21. **-2 NOV 1987**

KEJOHANAN SILAT SEDUNIA

Usaha Kementerian dan Berita Harian dipuji

-3 NOV 1987

B. Harian (M)

PELBAGAI pihak memuji usaha Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dengan kerjasama Berita Harian Sdn Bhd menganjurkan Ke-

Datuk Haji Yusoff yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Permainan Rakyat Pesta Pulau Pinang Disember ini memvifatkan